

MENARIK DI DALAM



Oleh: UNIT PERHUBUNGAN PELAJAR (PENGANTARABANGSAAN)

KURSUS INTENSIF BAHASA DI AL AL-BAYT DAN KOLEJ INTI

BAHAGIAN Hal Ehwat Pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia telah menganjurkan dua kursus intensif bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab yang melibatkan seramai tiga puluh (30) orang pelajar mewakili semua fakulti di KUIM. Seramai dua puluh (20) orang pelajar telah mengikuti Kursus Intensif Bahasa Inggeris di Kolej INTI, Subang Jaya, Selangor bermula pada 9 Mei hingga 5 Julai 2006 manakala sepuluh (10) orang dihantar ke Universiti Al Al-Bayt, Amman, Jordan untuk mengikuti Kursus Intensif Bahasa Arab pada 18 Mei hingga 9 Julai 2006.

Pemilihan peserta kursus telah dilakukan melalui saringan yang ketat dengan Ujian Bertulis dan juga sesi temuduga yang turut dihadiri oleh Y.Bhg. Prof. Dr.



Bersambung Halaman 6

PENAUNG

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
Rektor KUIIM

PENASIHAT

Prof. Dato' Dr. Mohammad Hj. Alias
Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias
Timbalan Rektor (HEP dan Alumni)

Encik Muhammad Haizuan Rozali
Timbalan Pendaftar HEP

EDITOR

Cik Rohimah Abdul Rahman
Penolong Pendaftar HEP

PEMBERITA / JURUFOTO

Encik Nur Ekmal Buhary
Puan Nurhazreen Mohd Nor
Puan Rozihani Mohamad
Encik Ramzi Sulaiman
Cik Arohiyah Abdullah

TERBITAN

Bahagian Hal Ehwal Pelajar,
Kolej Universiti Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel : 06-7988066 / 8073 / 8071
Faks : 06-7988067 / 8358

PERCETAKAN

PERCETAKAN ASNI SDN. BHD.
No. 41, Jalan Mewah 3/3,
Taman Perindustrian Hata Pandan
Mewah,
68000 Ampang, Selangor.
Tel : 03-4280 7257 / 9010
Faks : 03-4295 4716

Assalamualaikum

ALHAMDULILAH, s'tinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat saya menzahirkan sepatah dua kata di dalam Buletin Intelektual HEP keluaran Mei 2006 ini. Sesungguhnya, terbitan Buletin Intelektual kali ini melaporkan aktiviti bulan Mac - Mei 2006 yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUIIM.

Bulan Jun menjelma lagi. Para mahasiswa akan memenuhi cuti semester sama ada menenangkan fikiran serta menghabiskan cuti bersama keluarga di kampung atau terlibat dalam kegiatan berpersatuan melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang oleh HEP. Mahasiswa yang ingin mencari nilai tambah 'soft-skill' nya akan menggunakan peluang ini sebaiknya melalui platform yang disediakan dalam mencari keseimbangan akademik, pembangunan sahsiah, kepimpinan dan sebagainya.

Mahasiswa yang bijak akan menjadikan persekitaran kampus sebagai rumah keduanya sesuain dengan tagline "Gembira Bersama KUIIM". Pelbagai aktiviti kemahasiswaan, pembangunan ilmiah dan kemasyarakatan dirancang rapi bagi meningkatkan lagi kepupayaan dan kualiti mahasiswa KUIIM sepanjang cuti semester berlangsung. Sensitiviti HEP terhadap pembangunan sahsiah dan kepimpinan mahasiswa seharusnya dirujuk dan dihargai dan tidak seharusnya dipandang sepi sementelah untuk melahirkan kepimpinan pelajar yang berdaya saing tinggi dalam menghadapi cabaran-cabaran dunia semasa.

Sehubungan itu, saya menzuru semua mahasiswa KUIIM agar sentiasa membrikan kerjasama yang baik dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Lengkapkan diri dengan segala informasi dan kemahiran yang diperlukan agar tidak ketinggalan di dalam arus globalisasi masa kini. Semoga 'KUIIM TERUS MAJU DI PERSEKUTUAN ANTARABANGSA'

Cantik warnanya bunga kekwa
Digubah sejambak sebagai cenderahati
Objektif KUIIM melahirkan siswa
Berpesonaliti unggul cemerlang prestasi

Sekian. Wassalam

M. HAJI ALIAS :

Prof. Dr. Mohammad HAJI Alias

Timbalan Rektor (HEP dan Alumni)

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

SECALIT TINTA SEULAS KATA

Assalamualaikum


SEKALUNG tahniah diucapkan kepada Sidang Pengarang Buletin Intelektual yang bekerja keras dalam mendokumentasi serta menerbitkan pelbagai info berguna yang bermanfaat untuk kita semua.

Sesungguhnya cabaran yang digalas oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUIM dalam membentuk generasi KUIM untuk menjadi modal insan yang berkualiti tinggi sejajar dengan hasrat negara dipikul dengan optimis oleh kakitangan HEP yang lain. Bahagian HEP sentiasa berganding bahu dengan pihak pengurusan Universiti serta pucuk pimpinan pelajar dalam memastikan usaha-usaha melahirkan modal insan yang bukan sahaja berilmu tetapi mempunyai ciri-ciri cemerlang, gemilang dan terbilang akan berterusan.

Dengan pelbagai program kemahasiswaan yang dilaksanakan, Bahagian HEP sentiasa memastikan semua mahasiswa memberi perhatian yang seimbang di antara akademik dan kegiatan berpersatuan. Aktiviti berpersatuan merupakan nilai tambah untuk pembinaan sahsiah yang unggul yang tidak diperolehi dalam bilik kuliah.

Akhir kata, saya mengharap sokongan padu dari semua pihak kepada pengurusan HEP agar kita sama-sama berganding bahu dalam membangunkan komuniti muda yang berilmu.

Sekian. Wassalam



Muhammad Haizuan Rozali

Timbalan Pendaftar HEP

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



Terapi Masalah Melalui KLINIK STRESS 4	Keusahawanan Siswa Pupuk Minat Berniaga 8	Objektif Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUIM 11
Dedah Rahsia Menjadi Pelajar Cemerlang 5	Ingin Menjadi Pelajar Cemerlang 9	Seleksi Minda 12
Bengkel Pengurusan Seni KUIM 2006 6	Selamat Menyambut Ulangtahun Kelahiran 10	A Very Meaningful One 13
Kejohanan Sukan MASUM 2006 7	Wawasan, Misi, Dasar Kualiti, Tag Line Dan	Ritma Seni: Busana Negeri Sembilan 14



Hari As-Syura SIMBOL PERPADUAN

Oleh: SITI ILHAM MUHAMMAD (MPP)

DENGAN bermulanya tembaran tahun baru 1427 Hijrah, maka bermulalah episod baru bulan kemuliaan dan kebesaran Islam yang rata-rata disambut oleh seluruh Umat Islam. Bersama-sama warga KUIUM dalam menempuh cabaran untuk menyempurnakan bulan Islam ini, justeru Program Memasak Bubur Asyura sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah ini telah dianjurkan oleh Biro Pembangunan Insan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2005/2006 dengan kerjasama JASA dan JAKSA Kolej Kediaman Nilam Court.

Program yang diadakan pada 4 Mac 2006 bertempat di perkarangan Kafeteria Kolej Kediaman Nilam Court ini telah bermula seawal jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 6.00 petang. Telah Dianggarkan seramai 500

orang mahasiswa KUIUM terlibat dalam menjayakan serta memeriahkan program ini.

Di antara tujuan utama program ini diadakan adalah untuk menghormati bulan kebesaran umat Islam sempena Muharram 1427 Hijrah serta mengeratkan ikatan persaudaraan dan jalinan mahabbah di kalangan pihak Pengurusan Universiti dan mahasiswa KUIUM sendiri dalam menunaikan hasrat visi dan misi MPPKUIUM sesi 05/06 yang ingin melihat seluruh warga KUIUM bersatu membina syiar Islam serta memupuk nilai-nilai universal Islam yang unggul dalam diri setiap individu.

Diharapkan program seperti ini dapat mengeratkan lagi jalinan ukhwa yang sedia terjalin antara warga KUIUM selain dapat membentuk keperibadian yang mulia serta positif mengikut lunas-lunas Islam.

Terapi Masalah Melalui KLINIK STRESS

Oleh: UNIT KAUNSELING DAN PEMBANGUNAN SAHSIAH

PADA 4 Mac 2006 yang lalu, Pembimbing Rakan Universiti (PRU) telah menganjurkan Klinik Stress yang melibatkan seramai 120 orang peserta terdiri daripada para pelajar KUIUM. Pelbagai isu mengenai stress telah dibincangkan oleh para penceramah yang berpengalaman antaranya "*Stress Dari Sudut Kesihatan dan Cara Mengatasinya*" oleh Dr. Parameswaran dari Jabatan Psikiatri Hospital Seremban, "*Stress Dari Sudut Psikologi*" oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Rahmatullah Khan Abdul Wahab Khan dari UIAM dan "*Stress Dari Perspektif Islam*" oleh Ustaz Zaidi Ramli, Ketua Penolong Mufti Negeri Sembilan.

Pengisian slot forum juga diselitkan dengan isu perbincangan berkisar tentang "*Stress dan Anda*" iaitu perkongsian pengalaman ahli-ahli panel dalam menangani tekanan semasa bergelar pelajar iaitu Puan Nurhazreen Mohd Nor; Kaunselor KUIUM, Encik Mohamad Samir Sulaiman; Penolong Pendaftar Sekretariat Pendakwah Muda KUIUM dan Cik Jaziratul Shila Jamal; Tutor Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Cik Jaziratul Shila dan Encik Mohamad Samir merupakan bekas pelajar KUIUM yang memulakan perkhidmatan masing-masing bermula tahun 2005 dan 2006 lalu.

Selain ceramah, satu pameran dan ujian stress juga telah diadakan oleh Jabatan Psikiatri, Hospital Putrajaya yang mendapat sambutan menggalakkan daripada para pelajar. Ramai yang mengambil ujian stress untuk mengetahui tahap stress masing-masing. Secara keseluruhannya, program ini memberi manfaat kepada para pelajar kerana secara tidak langsung melalui ujian stress yang diadakan, para pelajar berpeluang berjumpa dengan kaunselor untuk berbincang tentang masalah yang mereka hadapi.

WACANA KECEMERLANGAN MAHASISWA: DEDAH RAHSIA MENJADI PELAJAR CEMERLANG

PROGRAM Wacana Kecemerlangan Mahasiswa merupakan salah satu program pembangunan akademik yang diadakan khusus untuk para pelajar Tahun Satu dan Tamhidi KUIM. Program sehari yang diadakan pada 11 Mac 2006 ini merupakan program anjuran Pembimbing Rakan Universiti (PRU) dan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai teknik belajar dan pengurusan masa yang berkesan sepanjang bergelar pelajar universiti. Di samping itu, mereka juga turut didedahkan mengenai tips dan metodologi dalam usaha menyeimbangkan antara akademik dan sahsiah untuk mencapai kecemerlangan diri.

Terdapat tiga (3) slot yang menjadi intipati program ini iaitu

UNIT Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah telah mengadakan satu Seminar Kemahiran Eksekutif Muda atau Young Global Executive Skill Seminar (YOGES) untuk para pelajar tahun akhir pada 18 dan 19 Mac 2006 yang lalu. Program selama dua hari ini dijayakan dengan kerjasama Kelompok Kerjaya, Pembimbing Rakan Universiti dan Biro Industri dan Kerjaya, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUIM.

Seminar yang melibatkan penyertaan pelajar tahun akhir KUIM ini menyediakan pelbagai tajuk ceramah

merangkumi pelbagai skop penting antaranya Tips Penyediaan Resume, Kemahiran Temuduga, Imej Dan Keterampilan Diri, Etiket Dan Protokol Di Tempat Kerja, Kemahiran Komunikasi, Peluang Kerjaya Sebagai Pegawai Tadbir Diplomat (PTD) Dan Senario Bekerja Di Sektor Korporat.

Pada dasarnya, seminar ini telah berjaya memberi maklumat dan pendedahan awal mengenai pelbagai persediaan sebelum menghadiri temuduga. Ia juga diharapkan dapat membantu memberi peluang kepada para pelajar tentang maklumat berkenaan resume serta maklumat-maklumat lain yang berkaitan serta

Oleh: UNIT KAUNSELING DAN PEMBANGUNAN SAHSIAH

ceramah bertajuk "Keseimbangan Akademik dan Sahsiah Pemangkin Kecemerlangan Mahasiswa" yang disampaikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Sidek Baba dari UIAM, manakala forum bertajuk "Di Sebalik Kejayaan Mahasiswa" dan satu sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang melibatkan pengendalian modul teknik pembelajaran telah dikendalikan oleh para PRU sendiri.

Secara umumnya pendekatan program yang berkonsepkan seminar ini membawa sedikit kelainan di mana ia menggabungkan slot ceramah dan sesi bimbingan akademik dalam kumpulan kelolaan fasilitator PRU. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para peserta yang turut sama beminat untuk mengetahui rahsia menjadi pelajar cemerlang di universiti.

YOUNG GLOBAL EXECUTIVE SKILL SEMINAR (YOGES): PERSEDIAAN KERJAYA UNTUK PELAJAR TAHUN AKHIR

Oleh: UNIT KAUNSELING DAN PEMBANGUNAN SAHSIAH

membantu membina keyakinan diri para pelajar untuk menghadapi temuduga kelak.

Seminar ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar KUIM selain dua belas (12) penyertaan daripada Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) serta dua (2) orang kakitangan dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Para penceramah pula terdiri daripada individu dari pelbagai institusi seperti INTAN Bukit Kiara, Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA), Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PKMAINS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan KFC Holdings.

Mohammad Haji Alias iaitu Timbalan Rektor HEP dan Alumni KUIM. Para pelajar yang terpilih merupakan para pelajar yang aktif di KUIM serta mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang. Sekembalinya dari kursus, para peserta diwajibkan 'turun padang' dan membuat program-program bersifat akademik dalam usaha untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan bersama-sama pelajar

lain. Kursus-kursus yang memakan masa sekitar dua bulan ini membuka banyak peluang pengalaman dan pengetahuan berdasarkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan efektif. Para pelajar didedahkan dengan persekitaran bersifat 'antarabangsa' di mana mereka akan bergaul dengan para pelajar antarabangsa Universiti masing-masing melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang.



Tetamu istimewa yang turut menghantar para pelajar Kursus Intensif Bahasa Arab Ke Jordan ini ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ialah Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Haji Alias, Timbalan Rektor Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan juga Penolong Pendaftar HEP, Cik Rohimah Abdul Rahman. Manakala bacaan doa selamat telah dibacakan oleh salah seorang peserta iaitu Sauda-

ra Ahmad Tamizi Mahmud sejeurus sebelum mereka memasuki Balai Berlepas.

Secara keseluruhannya, walaupun pada dasarnya Kursus ini hanya melibatkan 30 orang pelajar KUIM tetapi, para pelajar lain akan turut menikmati tempiasnya faedahnya melalui program-program yang akan dilakukan oleh para peserta kursus sekembalinya mereka ke KUIM kelak.

BENGGKEL PENGURUSAN SENI KUIM 2006

Oleh: UNIT KEBUDAYAAN

BENGGKEL Pengurusan Seni KUIM 2006 telah diadakan di Panggung Seni, Dectar UKM pada 25 dan 26 Mac 2006. Seramai tiga puluh enam (36) orang peserta telah menyertai bengkel ini yang diadakan dengan tujuan untuk memberi kemahiran secara teori dan praktikal kepada mahasiswa universiti terutamanya dalam pengendalian aspek pengurusan seni secara keseluruhannya. Di samping itu, peserta bengkel turut didedahkan dengan ilmu pengurusan acara yang lebih berkualiti bagi menjamin penghasilan program yang mantap khususnya melibatkan aktiviti kebudayaan. Peserta telah didedahkan secara teori seperti aspek pengurusan projek Persembahan, Pengurusan Seni Persembahan, Pengurusan Teknikal dan Dasar Kebudayaan Kebudayaan Kebangsaan.

Pada hari kedua, peserta telah dibahagikan mengikut kumpulan dan setiap peserta harus menjalankan tugas seperti yang diarahkan. Testimonial majlis telah berlangsung pada sebelah malam dengan menampilkan kumpulan muzik moden dengan dendangan dua buah lagu.

Di akhir majlis, satu sesi penilaian telah dilakukan oleh Pn. Hazelina Ghazaly (UKM), En. Asrof Semin (UKM) dan En. Ismail Ahmed (KUIM). Antara aspek yang disentuh ialah ketepatan masa, kecekapan krew, sistem bunyi dan kerjasama ahli dalam melaksanakan sesuatu tugas.

Maklum balas yang diterima dari peserta amat memberangsangkan dan mengharapkan agar bengkel seumpama ini dapat diteruskan lagi bagi memantapkan lagi program-program pelajar KUIM pada masa akan datang. Program ini telah sempurnakan perasmian oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Haji Alias (Timbalan Rektor HEP & Alumni) dengan dihadiri bersama wakil daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia dan Pusat Kebudayaan UKM.

PROGRAM

'ADIKKU SAYANG'

— PUPUK MOTIVASI PELAJAR

Oleh: UNIT KAUNSELING DAN PEMBANGUNAN SAHSIAH

SEKOLAH Menengah Agama Dato' Klana Petra Ma'mor; Ampangan, Seremban telah dipilih oleh Pembimbing Rakan Universiti (PRU) sebagai destinasi pilihan untuk mengadakan Program Motivasi 'Adikku Sayang'. Ia telah berlangsung pada 24 hingga 26 Mac 2006 yang lalu dan melibatkan seramai 95 orang pelajar tingkatan 2.

Program yang berkonsepkan motivasi akademik dan sahsiah ini menggabungkan pelbagai slot menarik yang dikendalikan oleh para fasilitator yang terdiri daripada

ahli PRU yang terlatih. Para peserta diberi pendedahan mengenai teknik belajar yang bersesuaian dengan jenis personaliti mereka melalui ujian teknik belajar. Selain itu, sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK) bersama fasilitator pula mendedahkan mereka kepada pelbagai perbincangan mengenai potensi diri, pengurusan masa, persediaan peperiksaan dan pelbagai permainan minda yang berkaitan dengan konsep program.

Majlis Penutup Program motivasi ini telah dirasmikan sepenuhnya oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Haji Alias, Timbalan Rektor (HEP dan Alumni) KUIM pada 26 Mac 2006.

KEJOHANAN SUKAN MASUM 2006

KARNIVAL Sukan MASUM 2006 menyaksikan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam menjadi tuan rumah kepada 18 IPTA/S yang mempertandingkan sejumlah 21 acara. Kontingen KUIM telah menyertai sejumlah 7 acara melibatkan Bola Jaring, Bola Tampar L & W, Futsal, Silat Olahraga, Boling Padang L & W, Ping Pong L & W serta Taekwondo di dalam Karnival Sukan tersebut. Kejohanan selama 11 hari ini menghimpunkan hampir 5,000 orang atlit dan pegawai dari semua IPTA dan beberapa IPTS. Pasukan KUIM telah melapor diri untuk sesi latihan bersepadu yang melibatkan semua acara pada 5 Mei 2006. Atlit kontingen Fasa 1 telah melapor diri di Perkampungan Sukan MASUM 2006 iaitu Kolej Mawar (wanita) dan Kolej Melati (lelaki) pada 11 Mei 2006. Sementara itu, atlit kontingen Fasa 2 turut melapor diri di perkampungan sukan yang sama pada 16 Mei 2006.

Oleh: UNIT SUKAN DAN REKREASI

Pasukan KUIM menutup tirai kejohanan dengan meninggalkan catatan istimewa apabila kontingen KUIM berjaya meraih 2 Emas, 2 Perak dan 2 Gangsa silat dan taekwondo. Kenangan ini menjadi bertambah manis apabila Kontingen KUIM diumumkan memenangi Anugerah Urusetia Kontingen Terbaik Sukan MASUM 2006 apabila berjaya meyakinkan panel juri dengan mempamerkan hasil usaha dan komitmen dalam menguruskan pasukan dan bilik gerakan kontingen sepanjang temasya itu berlangsung.

Pencapaian cemerlang ini adalah yang julung kali dikecapi oleh pasukan KUIM sepanjang penglibatannya dalam saingan Sukan MASUM sejak tahun 2000. Pada pencapaian tahun lalu di Karnival Sukan MASUM Fasa II UKM 2005, pasukan KUIM hanya meraih 1 pingat Perak dalam acara taekwondo, sementara pasukan silat hanya memperoleh 1 Perak dan 2 Gangsa di Karnival Sukan MASUM I sebelum itu di KUITTHO pada bulan September, 2004.

Program Khidmat Ukhwah Integrasi Masyarakat

Oleh: UNIT PEHUBUNGAN PELAJAR

PROGRAM Khidmat Ukhwah Integrasi Masyarakat Kolej Universiti Islam Malaysia atau K.U.I.M ini merupakan hasil cetusan idea daripada YB Dato' Norhayati Omar (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan) untuk memberi peluang kepada mahasiswa KUIM mendekati masyarakat terutamanya di sekitar Dun Pilah yang mengharapkan agar integrasi mahasiswa KUIM dengan masyarakat terus terbina. Program yang berlangsung pada 2 April 2006 ini merangkumi sepuluh (10) aktiviti yang diadakan serentak di beberapa tempat sekitar DUN Pilah.



Antara objektif program K.U.I.M ini ialah merapatkan hubungan antara komuniti KUIM, kerajaan negeri dan penduduk kampung, mendedahkan para mahasiswa dengan pengalaman-pengalaman berkemuniti, melatih mahasiswa membina kemahiran berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat serta membina keserasian dan penyatuan pelbagai peringkat masyarakat dengan mahasiswa universiti.

ANTARA AKTIVITI- AKTIVITI YANG DIJALANKAN



1. Program: Lawatan Kesihatan
Tempat: Kampung Pilah Tengah

LAWATAN Kesihatan diadakan ke beberapa rumah terpilih di Kampung Pilah Tengah dengan tujuan memberi taklimat kesihatan dan bantuan pemeriksaan secara percuma kepada penduduk kurang berkemampuan

2. Program: Pertandingan Mewama Kanak-Kanak Tabika

Tempat: Balairaya Kg. Melang

SEBAGAI medium menguji bakat dan kreativiti kanak-kanak tabika berorientasikan pertandingan mewama di bawah seliaan KEMAS Kuala Pilah.

3. Program: Motivasi Pelajar
Tempat: Sek. Keb. Seri Pilah

PROGRAM bimbingan kepada murid tahun 4 hingga 6 dengan pendekatan ceramah motivasi dan latihan dalam kumpulan yang berkaitan dengan semangat belajar bagi meningkatkan pencapaian akademik.

4. Program: Pertandingan Pidato
Tempat: Balairaya Cheriau

PERTANDINGAN pidato yang terdiri daripada peserta Sekolah Menengah dan Rendah dengan pembentangan isu-isu semasa seperti Pemimpin Cemerlang, Remaja Gemilang, Dadah Musuh No. 1 Remaja dan pelbagai lagi antara pengisian program di Kampung Cheriau.

5. Program: Gotong Royong Memasak
Tempat: Masjid Tanah Melintang

GOTONG royong memasak beramai-ramai ini diadakan dengan tujuan mengukuhkan silaturahim KUIM dan masyarakat kampung melalui kerjasama jitu.

Bersambung Halaman 9

PUKUK MINAT BERNIAGA

LATIHAN Keusahawanan Siswa dan Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS) telah diadakan pada 9 hingga 16 Mei 2006. Kursus yang dihadiri kira-kira seratus dua puluh orang (120) pelajar ini telah diadakan di Fakulti Syariah dan Undang-undang melibatkan pelajar tahun satu dan dua semua fakulti. Objektif utama kursus ini ialah untuk memberikan pendedahan serta kemahiran ilmu perniagaan dan keusahawanan kepada para pelajar KUIM khususnya pelajar tahun akhir.



Kursus ini merupakan pra-syarat kepada para pelajar yang berminat untuk menyertai Skim Usahawan Siswazah iaitu skim tajaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang menyediakan tabung pinjaman perniagaan kepada siswazah IPTA yang berminat menjadi usahawan sepenuh masa.



Kursus selama hampir seminggu ini telah berjaya mencambahkan minat para pelajar terhadap keusahawanan. Semangat yang ditunjukkan oleh para pelajar sangat memberangsangkan sementelah ianya mendapat sambutan bukan sahaja daripada pelajar ekonomi tetapi pelajar Al-Quran Sunnah, Undang-undang.

Para penceramahnyanya terdiri daripada individu-individu yang berpengalaman luas dalam bidang keusahawanan yang dianggap mampu meningkatkan minat berniaga di kalangan para pelajar. Semoga para pelajar beroleh manfaat daripada kursus ini.

BAKTI SISWA - KUIM MENJELAJAH KE EMPAT NEGERI

Oleh: UNIT PERHUBUNGAN PELAJAR (AKTIVITI)

PROGRAM Bakti Siswa Daya Wawasan (BSD) merupakan satu aktiviti kemasyarakatan anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang disertai oleh 160 orang pelajar tahun satu hingga tiga. Program yang bermula pada 9 hingga 12 Mei 2006 di Pahang, Johor dan Terengganu melibatkan 120 pelajar manakala di Melaka melibatkan hanya 40 pelajar berlangsung pada 13 hingga 16 Mei 2006. Program ini mendapat sambutan yang hangat daripada para pelajar terutamanya para pelajar tahun satu. Malangnya ia terpaksa ditapis memandangkan tempat yang terhad.

Program ini pada dasarnya berfungsi untuk menambahbaikkan nilai-nilai komersial di kampung-kampung terlibat dengan mengenalpasti sumber-sumber yang berpotensi untuk diketengahkan. Sepanjang program berlangsung, para pelajar ditempatkan di rumah keluarga angkat masing-masing. Pelbagai aktiviti kemasyarakatan telah dilangsungkan antaranya ialah menyiapkan profil kampung, gotong royong sekitar kampung, Klinik UPSR dan PMR, menangkap ikan, sukaneka, senamrobik, solat berjemaah, forum, membuat mercu tanda kampung, persembahan kebudayaan dan sebagainya.

Sebelum BSD berlangsung, para pelajar telah mengikuti kursus orientasi selama dua hari di KUIM. Dalam kursus ini, para pelajar diberi taklimat tentang kaedah-kaedah untuk menjalankan BDS ini mengikut negeri-negeri yang ditetapkan untuk mengelakkan sebarang kesulitan di kemudian hari.

Selain dapat memanfaatkan cuti semester, para pelajar juga dapat meluaskan pergaulan dan pengetahuan selain merasai nikmat menjalani kehidupan sebagai anak kampung. Diharap pengalaman yang diperolehi dapat dimanfaatkan dalam kehidupan seharian. Semoga jalinan ukhwah yang dibina berkekalan hendaknya.



INGIN MENJADI PELAJAR CEMERLANG?

SETIAP pelajar inginkan kecemerlangan. Kecemerlangan tidak akan tercapai jika kita tidak membuat perancangan untuk menjadi cemerlang. Sebenarnya setiap manusia adalah dijadikan oleh Allah S.W.T dengan sebaik-baik makhluk berbanding makhluk-makhluk yang lain. Oleh itu, tiada alasan untuk kita menyatakan bahawa kita tidak boleh mengecapai kecemerlangan.

Sebagai seorang pelajar, cabaran yang dihadapi sebelum memperolehi kecemerlangan tidak pernah berakhir. Untuk mencapai kejayaan, pelajar perlu membuat perancangan tentang masa depan. Pelajar tidak boleh menyerahkan kepada nasib semata-mata. Orang lain tidak boleh menentukan kecemerlangan masa depan kita. Berjaya atau tidaknya kita untuk menjadi pelajar yang cemerlang bergantung kepada diri kita sendiri.

Kecemerlangan yang dirancang semestinya bukan di dalam bidang akademik semata-mata. Sebaliknya kecemerlangan yang diharapkan oleh ibu-bapa, pensyarah, masyarakat dan negara adalah kecemerlangan secara menyeluruh. Ini termasuklah cemerlang di dalam bidang akademik, cemerlang dalam tingkah laku, prihatin dan bertimbang rasa terhadap kepentingan orang lain, aktif di dalam pergaulan, beriman dan bertaqwa serta cergas dari segi kesihatan fizikal dan mental.

Namun begitu, bagaimanakah kita hendak menjadi cemerlang?

SUDAH pastinya kita mempunyai pelbagai jawapan untuk menjawab persoalan ini. Bimbingan dan panduan daripada individu yang berkelayakan adalah perlu agar matlamat yang kita impikan tercapai dengan jayanya. Justeru itu, Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) menawarkan bantuan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling kepada semua mahasiswa / mahasiswi yang merangkumi aspek akademik, kerjaya dan psikososial.

Malah, dalam usaha menawarkan perkhidmatan yang lebih berkesan kepada para pelajar, kini Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah mempunyai seorang lagi kaunselor baru iaitu En. Mohd Hasni Bin Zulkifle. Beliau yang berasal daripada Mantin, N. Sembilan ini berkelulusan Bac. Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), Universiti Putra Malaysia serta mempunyai pengalaman sebagai kaunselor dan tenaga pengajar selama empat tahun di Kolej Teknologi Islam Melaka.

Oleh itu, diharapkan para pelajar menggunakan kesempatan ini untuk menjana kecemerlangan diri ke arah yang lebih gemilang dan terbilang.



...Dari Halaman 7

6. Program: Remaja dan Undang-Undang
Tempat: Balairaya
Kg. Kuala Serdang

REMAJA melayu khususnya perlu didedahkan kepada undang-undang dalam usaha menangani salah laku remaja yang kian meningkat peratusannya. Pendedahan ini cuba membantu remaja dalam memahami sistem perundangan secara amnya.

7. Program: Sukan Rakyat
Tempat: Sek. Keb
Ampang Tinggi

PERMAINAN rakyat yang kian dilupai kini menjadi pilihan generasi muda untuk digemblengkan bersama warga masyarakat kampung. Permainan seperti batu seremban, congkak, tarik upih dan berbagai lagi menjadi pilihan pengisian program ukhuwah kali ini.

8. Program: Nurhidayah
Tempat: Balairaya
Kg. Tanjung Jati

INTERAKSI dua hala mengenai isu-isu masyarakat melalui perspektif keagamaan ini dianggotai panel dari KUIM dan Jabatan Mufti Negeri Sembilan sebagai pendedahan kepada koloni masyarakat luar bandar.

9. Program: Sembang-
Sembang Warga
Emas
Tempat: Balairaya
Kg. Batang Pilah

SEMBANG-SEMBANG warga emas diadakan dengan tujuan mengorak citra kehidupan dan budaya masyarakat kampung dengan tujuan berkongsi pengalaman.

10. Program: Malam
Kebudayaan
Tempat: Padang Sekolah
Tanah Melintang

MALAM kebudayaan sebagai acara kemuncak yang akan ditonton oleh penduduk-penduduk kampung Kawasan Kuala Pilah akan dihiburkan oleh persembahan pelajar KUIM seperti Nasyid, Ghazal, tarian, dan beberapa persembahan oleh KEMAS, penduduk setempat dan artis 60-an.



SELAMAT MENYAMBUT ULANGTAHUN KELAHIRAN

Cik Saleza Ahmad Puzi	27 Mac 1982
Cik Nor Azean Ismail	1 April 1982
Encik Nazrul Hisham So'ib	2 April 1983
Encik Marwan Tahir	3 April 1980
Encik Mazlan Nawang	5 April 1966
Cik Normala Abdullah	7 April 1978
Cik Tengku Azwani Tengku Azmi	25 April 1982
Encik Abdul Ghafar Rabu	27 April 1974
Cik Rozailiza Rajab	12 Mei 1982
Encik Nur Ekmal Buhary	23 Mei 1974



AKTIVITI BULAN OGOS 2006

BIL.	AKTIVITI/PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	ANJURAN
1.	Majlis Konvokesyen Ke Empat KUIM	26.08.2006	Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM, Bangi	KUIM
2.	Pameran Pesta Konvokesyen	19.08.2006	Stadium Tertutup Nilai	Majlis Perwakilan Pelajar
3.	Sehari Bersama PRU (Hello PRU)	12.08.2006	Teluk Kemang, Port Dickson	Pembimbing Rakan Universiti
4.	Bengkel Pengenalan Sukan Futsal Wanita	12.08.2006	DKP & Kompleks Sukan KUIM	Urusetia Sukan & Rekreasi Pelajar
5.	Kursus Pembimbing Pendidikan Luar & Rekreasi Urusetia Sukan & Rekreasi Pelajar	27-29.08.2006	Kem Lambaian Danau	Unit Sukan & Rekreasi HEP

INFO TERKINI HEP

SEMINAR KECELARUAN NILAI DAN IDENTITI REMAJA (KENDIRA)

Seminar ini terbuka kepada semua mahasiswa IPTA/IPTS. Berorientasikan kepada permasalahan kecenderungan remaja masa kini yang lebih diwarnai gaya hidup hedonisme, BHEP KUIM dengan kerjasama PKMAINS membuka medium menyalurkan maklumat dan pengetahuan langsung mengenai masalah tersebut. Seminar akan berlangsung pada:

Tarikh: 5 dan 6 Ogos 2006
Tempat: DKP 1
Masa: 8.00 pagi - 4.00 petang

Sebarang kemusykilan sila hubungi:
Puan Nurhazreen / Fadhilah di 06-7988070 / 8069

WAWASAN, MISI, DASAR KUALITI, TAG LINE DAN OBJEKTIF BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR KUIM

Bahagian Hal Ehwal Pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia kini semakin bermotivasi apabila pihak pengurusan universiti telah meluluskan beberapa hala tuju penting HEP seperti berikut:

WAWASAN

Memartabatkan keunggulan sahsiah pelajar sebagai pelengkap kepada kecemerlangan akademik.

MISI

Bertekad membangunkan dan menyediakan persekitaran, prasarana dan kemudahan yang kondusif, produktif serta mesra pelajar ke arah melahirkan ilmuan global.

DASAR KUALITI

Berjanji dengan penuh tekad dan iltizam untuk memenuhi hak-hak pelanggan utama kami iaitu pelajar dengan :

- *Memberi khidmat yang mesra pelajar*
- *Menyediakan persekitaran, prasarana, kemudahan penginapan dan keperluan berkaitan yang kondusif dan produktif kepada pembelajaran.*

TAG LINE

Gembira Bersama KUIM.

OBJEKTIF

- *Membina sahsiah pelajar yang mencerminkan dan menyumbang kepada pemerkasaan citra Universiti*
 - *Membimbing pelajar di dalam program arus perdana di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.*
 - *Mengurus dan memantau kebajikan dan keselamatan pelajar.*
 - *Merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada pemantapan soft skill, competitive skills dan survival skills untuk meningkatkan kebolehpasaran serta keupayaan pelajar menerokai peluang kerjaya.*
 - *Memantapkan jati diri pelajar untuk menempuh cabaran semasa.*
 - *Membina dan memantapkan jalinan yang produktif dengan Alumni KUIM.*
- Menyediakan khidmat latihan dan bimbingan kerjaya.*

TIDAK beberapa lama lalu, seorang hamba Allah, telah pun kembali ke rahmatullah secara mengejut (kerana sakit jantung). Allahyarham adalah merupakan seorang yang amat dihormati dan disegani di kampung beliau. Semasa jenazah Allahyarham diletakkan di ruang tamu rumahnya sementara menunggu untuk diuruskan oleh saudara mara dan sahabat handai, isteri Allahyarham tidak berhenti-henti meratapi jenazahnya sambil merungut-rungut. Si penulis yang kebetulan anak saudara Allahyarham, ada di sebelah balu Allahyarham pada ketika itu. Beliau merasa amat hairan dengan sikap balu arwah itu kerana sepatutnya membaca ayat-ayat suci al-Quran untuk dihadiahkan kepada arwah. Kira-kira 10 minit kemudian, kakak ipar arwah pun sampai. Beliau turut merasa hairan dengan sikap adiknya yang meratapi dan merungut itu, lantas beliau melerang adiknya berbuat demikian sambil bertanya akan sebabnya. Penulis yang masih berada di situ merasa amat terkejut apabila mendengar jawapan yang diberikan oleh balu Allahyarham itu.

Antara jawapannya ialah:

1. Suaminya tidak membuat surat wasiat (yang sebznamya ada).
2. Tanah pusaka milik suaminya tidak sempat ditukarkan ke nama beliau dan anak-anaknya.
3. Suaminya tidak sempat memindahkan saham syarikat suaminya bersama-sama adik-adiknya kepada beliau (Allahyarham memegang saham sebanyak 50% dan 5 orang adik-adiknya memegang 10% setiap seorang).

Untuk makluman, arwah adalah seorang yang agak berjaya dalam perniagaannya. Syarikat yang diuruskan oleh arwah sangat maju dewasa ini. Di samping itu, arwah memiliki kira-kira 12 ekar tanah di pinggir Putra Jaya dan kira-kira 50 ekar di sekitar kawasan Sepang/Pengkil. Setelah seminggu arwah dikebumikan, peguam arwah memanggil waris-warisnya untuk dibacakan surat wasiat arwah. Penulis juga turut dipanggil tanpa mengetahui akan sebabnya. Allahyarham mempunyai 4 orang anak, yang sulong masih lagi berskolah di tingkatan 4, manakala yang bongsunya berusia 6 tahun. Antara kandungan surat wasiat Allahyarham ialah:

1. 30% syer perniagaannya diserahkan kepada anak saudara perempuannya yang juga ahli perniagaan, dan 20% lagi diagihkan sama rata kepada anak-anaknya dengan anak saudara perempuannya sebagai pemegang amanah.
2. Tanah pusakanya seluas 10 ekar di pinggir Putra Jaya dibahagikan sama rata kepada anak-anak perempuannya (2 orang) dan 2 ekar untuk anak saudara lelaki yang juga pemegang amanah untuk anak-anak perempuannya.
3. Anak-anak lelaki yang berumur 14 dan 10 tahun, diberikan tanah 15 ekar seorang dengan saudara lelakinya sebagai pemegang amanah.
4. Saham-sahamnya diserahkan kepada anak-anaknya dan dibahagikan mengikut hukum syarak, dan diuruskan oleh saudara perempuannya yang diberi 20%.
5. Wang tunainya di bank (persendirian) diamanahkan kepada kakaknya untuk menampung pembiayaan anak-anaknya jika isterinya tidak berkahwin lagi. Jika isterinya berkahwin lagi, beliau meminta peguamnya meminta mahkamah membrikan hak penjagaan anak-anaknya kepada kakaknya.
6. Rumah dan tapak rumahnya diwakafkan untuk anak-anak yatim Islam dan sebuah surau, dan hendaklah diserahkan kepada Majlis Agama Islam.
7. Harta-hartanya yang lain iaitu 2 buah kereta diberikan kepada adik lelakinya yang ketiga dan kzlime; manakala baki tanah 20 ekar dibahagikan sama rata kepada adik-adik dan kakaknya.

Setelah selesai wasiat tersebut dibaca, isterinya membantah keras kerana tiada satu pun harta yang diserahkan kepadanya melainkan sebuah proton sega yang tidak dimasukkan dalam wasiat tersebut (yang memang digunakan oleh isterinya). Belum sempat isterinya terus membantah, peguam Allahyarham membacakan satu kenyataan mengenai isterinya yang terkandung dalam wasiat itu.

"Isteriku tidak akan kubrikan apa-apa kecuali pengampunan. Terlalu banyak dosanya kepadaku. Maka pengampunan adalah hadiah yang paling berharga."

"Tidak pernah aku merasa masakannya sejak mula berkahwin walaupun pernah aku suarakan. Tiada belas kasihan terhadap aku, baik semasa sakit apatah lagi jika aku sihat."

"Herdik dan tengking kepada aku dan anak-anak adalah lumrah. Keluar rumah tidak pernah meminta kebenaran daripada aku. Makan dan minum anak-anak adalah tanggungjawab bibik (pembantu rumah). Kain bajuku tidak pernah diuruskan, dan yang paling menyedihkan, tiada mahunya dia mendengar pandangan dan nasihatku untuk kesejahteraan rumah tangga."

"Kebahagiaan aku selama ini hanya dengan amalanku, tugas seharianku, anak-anakku dan adik-beradikku, terutama kakakku (yang sebagai pengganti ibu)."

Selepas peguam Allahyarham membacakan kenyataan itu, barulah penulis faham mengapa balu Allahyarham begitu meratap dan merungut semasa berada di sisi jenazahnya.

Marilah kita renungi bersama. Semoga dengan apa yang terjadi di atas, akan membrikan satu pengajaran yang berguna kepada kita sebagai umat Islam.

Sumber: INTERNET

A VERY MEANINGFUL ONE

An old American Muslim lived on a farm in the mountains of eastern Kentucky with his young grandson. Each morning Grandpa was up early sitting at the kitchen table reading his Quraan. His grandson wanted to be just like him and tried to imitate him in every way he could.

One day the grandson asked, "Grandpa, I try to read the Quraan just like you but I don't understand it, and what I do understand I forget as soon as I close the book. What good does reading the Quraan do?"

The Grandfather quietly turned from putting coal in the stove and replied, "Take this coal basket down to the river and bring me back a basket of water."

The boy did as he was told, but all the water leaked out before he got back to the house. The grandfather laughed and said, "You'll have to move a little faster next time," and sent him back to the river with the basket to try again.

This time the boy ran faster, but again the basket was empty before he returned home. Out of breath, he told his grandfather that it was impossible to carry water in a basket, and he went to get a bucket instead.

The old man said, "I don't want a bucket of water; I want a basket of water. You're just not trying hard enough," and he went out the door to watch the boy try again.

At this point, the boy knew it was impossible, but he wanted to show his grandfather that even if he ran as fast as he could, the water would leak out before he got back to the house. The boy again dipped the basket into river and ran hard, but when he reached his grandfather the basket was again empty.

Out of breath, he said, "See Grandpa, it's useless!"

"So you think it is useless?" The old man said, "Look at the basket."

The boy looked at the basket and for the first time realized that the basket was different. It had been transformed from a dirty old coal basket and was now clean, inside and out.

"Son, that's what happens when you read the Quraan. You might not understand or remember everything, but when you read it, you will be changed, inside and out. That is the work of Allah in our lives."

Source: INTERNET

BUDAYA Minangkabau terserlah indah pada busana tradisional Negeri Sembilan. Sejarah asal usul kaum Minang di Negeri Sembilan yang berhijrah dari Pagar Ruyung pada kurun ke-15 di zaman kesultanan Melayu Melaka memungkinkan adat istiadat dan budaya berpakaian dari Sumatera Barat kekal segar dalam masyarakat Negeri Sembilan sehingga kini.

Pakaian lelaki menyerupai Baju Sikap yang dipakai sebagai sut berlima mengandungi baju atau jaket sederhana labuh, baju di dalam, berseluar dipadan dengan samping dihias pula dengan tengkolok. Kaum wanita pula berbaju Kurung Teluk Belanga dan berkebaya labuh dipadan pula dengan kain sarung. Bagi wanita bangsawan berketurunan Minangkabau pula, pakaiannya dari kain baldu bersulam benang emas bertatahkan labuci. Sarungnya pula dari kain songket penuh tenunan dari Pandai Sikek atau dari Batu Bara di Sumatera.



PAKAIAN adat berasal dari Sumatera Barat. Lelaki berbaju Kurung Cekak Musang, samping ikat pinggang dan destar. Wanita memakai Baju Kurung bersulam, kain sarung dan tekuk dada serta pakaian kepala 'tengkuluk'.

BAJU Kurung Cekak Musang sutera bunga tabur dipakai selengkapnya bersama kain samping, bengkung dan tengkolok ikatan Dendam Tak Sudah.



LELAKI memakai pakaian adat pembesar Minangkabau atau Aceh. Baju berwarna hitam dihiasi sulaman benang emas di leher dan lengan. Celana berkaki lebar, sisamping kain tenun sutera dan destar atau saluak. Wanita memakai Baju Kurung bersulam benang emas motif buluh rebung, tekuk leher baldi bertekat dan penutup kepala 'tengkuluk'.





PAKAIAN wanita Minangkabau dari broked yang diberikan sentuhan baju moden masih menggunakan tekuk leher. Dipakai dengan kain sarung songket bunga penuh ikatan ombak mengalun.



BAJU Sikap baldu hitam berhias renda emas dipadankan dengan samping songket sarat dan daster.

BAJU Sikap baldu hitam berhias renda emas dipadankan dengan samping songket sarat dan daster.





PAKAIAN upacara pembesar dari Sumatera Barat. Baju Kurung Teluk Belanga tenunan sutera dan songket sarat ikatan pembesar.



PAKAIAN lelaki biasa dari keturunan Minangkabau. Baju leher berbelah tanpa kancing, samping kain tenun dan celana besar bagi pergerakan yang cepat.

BAJU Kurung sutera corak bunga tabur dipadankan dengan kain moden potongan tindih kasih. Hiasan dada tekuk leher bersulam dan penutup kepala ikan broked.




SEKITAR KOMPLEKS SUKAN

KUIM



Court Futsal




Court Bola Tampar.



Court Latihan Tennis.



KIOSK Kompleks Sukan.



Court Sepak Takraw.



Changing Room.



Court Futsal.



Padang Hoki.



Court Bola Jaring.



Court Bola Keranjang.



Bilik Dobi.



Kakitangan Kolej Mesra pelajar.



Bilik JAKSA Kolej Kediaman.




Bilik Pelajar.



Bilik Pertemuan IbuBapa.



Taman Permainan Kanak-kanak.



Pintu Masuk Kediaman.




Sekitar Kolej Kediaman.



Bilik Rehat Pelajar 2.

SEKITAR KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN



Ruang Tamu Pejabat Kolej.



Pintu Masuk Kediaman 2.



Bilik Rehat Pelajar.

16.03.2006 15.30

16.03.2006

PERATURAN PEMAKAIAN PELAJAR DI SEKITAR KAMPUS

PELAJAR LELAKI

- Semua pelajar hendaklah sentiasa memakai dan mempamerkan kad pelajar semasa berada di kawasan kampus.
- Setiap pelajar hendaklah berpakaian menutup aurat, kemas iaitu berseluar panjang, berbaju kemeja atau kebangsaan serta berkasut kulit berwarna hitam.
- Setiap pelajar hendaklah berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju.
- Pakaian yang dibenarkan untuk pelajar lelaki sekiranya menutup kepala ialah bersongkok berwarna hitam.

PELAJAR PEREMPUAN

- Semua pelajar hendaklah sentiasa memakai dan mempamerkan kad pelajar semasa berada di kawasan kampus.
- Setiap pelajar hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat dan kemas.
- Jika pelajar memakai alat solek, aksesori dan pewangi hendaklah secara sederhana.
- Pelajar-pelajar wanita tidak dibenarkan memakai purdah (menutup muka) sehingga menyukarkan pihak universiti mengenali mereka.





PANTUN KEDAMAIAAN

Buah laici di atas meja,
Sungguh enak jika dimakan,
Usah mencaici sesama manusia,
Relak renggang tali persahabatan.

Penuh sebakul diisi ketupat,
Untuk dibawa ke tempat perkenalan,
Jika ada perselisihan pendapat,
Selesai segera usah dipanjangkan.

Ambil rambutan penuh seraga,
Sebiji dirasa mutu ditentukan,
Bermaaf-maafan perbuatan mulia,
Setiap masa patut diamalkan.

Bersama kawan mencari lokan,
Dapat lokan penuh sebaldi,
Ceratkan perpaduan dalam kehidu-
pan,
Supaya kebahagiaan dapat dirasai.

Anak Pak Jusoh pergi ke pekan,
Beli belacan bersama ragi,
Hidup bermusuh sesama rakan,
Tiada keamanan negara rugi.

NURILAN:
Firdaus Shukran